



KOPI PAHIT

Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Dato'

Haji Meor Arif bin Meor Alwi menyatakan bahawa masa hadapan fatwa-fatwa agama hanya dibenarkan dibuat oleh mufti sahaja demi kepentingan perpaduan umat Islam. Tetapi bagaimana keadaan fatwa mufti-mufti itu yang bertentangan pula satu sama lain? Ubatnya Dato' – hanya dibawa ke atas iaitu Pemegang Mohor Raja-raja Melayu mengadakan *Lujnah al-Fatwā* – dan mufti-mufti negeri jangan dibenarkan berfatwa sendirian-sendirian. Inilah yang sebaiknya, sedang orang ramai Islam berhak memberi pendapat dengan pengetahuan ilmunya sebab Islam bukan agama monopoli.

* * *

Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Lee

Kuan Yew dalam kata alu-aluannya di dalam Majlis Peraduan Membaca al-Qur'ān bagi Johan Negeri di antara lainnya berkata: "Sifat pelbagai agama yang ada pada Singapura akan sentiasa ditunjuk nyata oleh semangat bertimbang rasa terhadap agama-agama yang berlainan itu, dan semua agama mendapat tempat di negara kita sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan kita."

Tuhan berfirman (maksud-maksudnya): (1) "Sesungguhnya agama (yang sah) di sisi Allah hanyalah Islam. (Āli 'Imrān 19)."

(2) "Barang siapa cari satu agama lain daripada Islam maka tidak akan diterima (agama itu) daripadanya, dan orang itu di Akhirat menjadi orang yang rugi."

(Āli 'Imrān 85).

(3) "Muhammad itu Rasulullah dan orang-orang yang

bersama-sama dengannya tegas terhadap kepada *kuffār* dan berkasih sayang di antara sesama mereka (Islam).

* * *

"Saya meminta maaf berkata bahawa umat Islam di Singapura berpecah-pecah dan tidak bersatu padu satu sama lain – lebih kurang kata Hajah Puan Siraj di dalam Seminar Pemuda Jamiyah. Orang tahu tidak ada bersatu padu sebab pemimpin-pemimpin Islam masing-masing ada yang cari nama dan kedudukan sedang kaum ibu pun sudah bersengget bagaimana hendak menyatukan yang lain. Zamannya sekarang cakap tak guna lagi tetapi yang dikehendaki – amal – sekali lagi amal!

* * *

"Kaum Islam di sini adalah tertinggal di belakang."

Kata Hajah Puan Siraj di seminar tersebut. "Saya telah melihatnya sendiri akan kemunduran ini. Setengahnya begitu melarat hinggak tidak mampu untuk membeli kain baju untuk anak-anak mereka apalagi untuk membeli makanan yang baik." Syukur atas kesedaran ini! Mengapa wang pungutan zakat fitrah yang dikumpulkan oleh sebuah jawatankuasa yang berpejabat di rumah Jamiyah mengutamakan pembahagian zakat fitrah kepada selain daripada *fuqarā'* dan *masākīn*? Penderitaan hidup *fuqarā'* dan *masākīn* adalah diutamakan Rasul terutamanya di dalam Hari Raya ini – *fuqarā'* dan *masākīn* umum – bukan Islam sahaja – ingat! Kemukakanlah kepada jawatankuasa itu Puan – wang fitrah jangan disimpan untuk lain tahun!

* * *

Peraduan Qur'an Antarabangsa dan Negeri bagi lelaki dan perempuan akan diadakan di Kuala Lumpur. Habib Nasir pengerusi peraduan itu harap memberi ingat supaya perempuan-perempuan yang mengambil bahagian terutamanya, supaya menjaga pakaiannya – rambutnya mesti bertutup baik – tidak kelak seakan-akan Peraduan Qur'an sambil beradu jambul cantik.

– Cemeti al-Farouk